

TARIKH	11 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	2	RUANGAN	News

## 3,500 terpilih ke Tanah Suci

**S**KUDAI: Seramai 3,500 penduduk negeri ini terpilih mengerjakan haji tahun ini menerusi enam penerbangan bermula 19 September hingga 6 Oktober ini.

Pengarah Lembaga Tabung Haji (TH) Johor, Ahmad Sohaimi Abdul Rahim, berkata penerbangan pertama dari Lapangan Terbang Sultan Ismail (LTSI), Senai, bermula 19 September diikuti keesokan harinya manakala empat penerbangan lain pada 3, 4, 5 dan 6 Oktober ini.

"Saya menasihatkan semua bakal jemaah haji supaya mendapatkan maklumat terkini senarai penerbangan mereka dengan menghubungi kami.

"Selain itu, kami sentiasa menghubungi bakal haji sekiranya ada sebarang perubahan pada jadual penerbangan kelak," katanya pada Kursus Perdana Haji anjuran Jabatan Agama Johor, Lembaga Tabung Haji Johor dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di UTM Skudai di sini, kelmarin.

Kursus dua hari itu mem-babitkan bakal haji dan penuntut UTM berakhir kelmarin.

Menurutnya, semua bakal haji diminta menjaga kesihatan terutama makanan dan minuman selain perubahan sepanjang berada di Tanah Suci.

"Semua ini penting bagi membolehkan mereka mem-nunaikan haji dalam keadaan baik dan selamat selain memastikan dokumen serta

kelengkapan sempurna sebelum dibawa bersama.

"Justeru, saya mengingatkan semua bakal haji supaya menjaga makanan, minuman dan mendapatkan rehat secukupnya terutama menjelang pendaftaran akhir sebelum penerbangan," katanya.

Katanya, sebelum ini TH mengadakan dua kursus iaitu kursus haji bersiri dan kursus insentif sebelum mengadakan kursus perdana haji.



**LATIHAN...**ribuan bakal jemaah haji mengadakan latihan praktikal tawaf dan saie di UTM Skudai, kelmarin.